
Title	Nilai budi bahasa dalam kebudayaan
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1977 Muhammad Ariff bin Ahmad

Muhammad Ariff Ahmad (mas)

MR 7711

tanggal: 10 Mei 1977

siaran: Radio Singapura 770517 1730
*SARI BUDAYA

tajuk: NILAI BUDI BAHASA DALAM KEBUDAYAAN

Peri orang muda harus menghormati orang tua; orang-orang yang datang harus menghormati orang-orang yang didatangi dan peri tuan rumah harus menghormati tetamunya sudahlah menjadi tradisi yang mendarah-daging dalam budi bahasa dan budi pekerti masyarakat Melayu. Malah "hormat" itu kadang-kadang telah diberikan terlalu berlebihan; dan bukanlah tidak pernah bahwa keterlaluan-keterlaluan itu mengakibatkan sesuatu yang tidak diinginkan.

Memanglah ada peribahasa Melayu yang mengatakan: emas perak boleh dicari; budi bahasa tidak dijual-beli. Peribahasa ^{itu} telah meletakkan nilai budi bahasa itu amat tinggi; malah terlalu tinggi dalam kehidupan masyarakat Melayu. Nilai budi bahasa itu telah di-letakkan mengatasi segala nilai kebendaan; dan peribahasa ⁱⁿⁱ telah mendidik serta meyakinkan masyarakat bahwa nilai budi bahasa itu adalah luhur lagi super; ia mengatasi lain-lain nilai dalam kehidupan manusia dalam masyarakat Melayu, walaupun Tun Seri Lanang dikatakan sebagai pernah berkata: Hai emas! Engkau bukanlah Tuhan; tetapi segala-galanya boleh berlaku dengan adanya engkau!

Dalam pada itu, ada pula peribahasa yang mengimbangi peribahasa tadi, iaitu: buat baik berpada-pada; buat jahat jangan sekali! Ertinya: buatlah kebajikan; berbudilah, tetapi perbuatan baik atau budi itu haruslah berpada-pada; haruslah patut-patut atau cukup-cukup! Jika kecukupan atau kepedaan itu diperangka jumlahnya ialah 100 %. Jadi, budi atau kebaikan itu janganlah melampaui tahap 100 % itu, iaitu jangan sampai keliwat batas tahap yang boleh merugikan!

Demikianlah, dalam pendidikan masyarakat menerusi peribahasa itu, anak-anak masyarakat diberikan dua macam pedoman - satu pedoman merupakan arahan dan yang lainnya merupakan amaran. Arahan menganjurkan kita supaya melakukan sesuatu yang baik, yang pukta; sedang ~~pedoman~~ ^{pula,} amaran mengingatkan kita supaya memikir, menilai dan menentukan bahwa segala perbuatan baik yang kita lakukan itu haruslah baik juga kesudahannya, kerana ada orang mengatakan bahwa Hang Jebat pernah berkata: siapa bilang! Berbuat baik itu jahat tidak datang!

Adapun perbuatan baik atau budi bahasa yang paling asas dalam kehidupan orang-orang Melayu ialah bertanyakan khabar. Telah menjadi kebiasaan bagi orang-orang Melayu, secara otomatis seseorang itu bertanya "apa khabar" kepada tiap orang yang ditemuinya. Secara otomatis pula orang yang ditanyai itu menjawab "khabar baik" tanpa memikirkan apakah significantnya: pertanyaan apa khabar itu. Malah, seseorang yang kebetulan sedang terbaring di hospital kerana mengidap sakit teruk sehingga tidak mampu mengangkat kelopak matanya sekali pun, akan menjawab "khabar baik" juga, jika ia ditanyai "apa khabar".

Tidak pernah ada orang yang menjawab "khabar tidak baik"; atau "khabar tidak menyenangkan"; atau "khabar tak senonoh" atau lain-lain khabar yang negatif apakala ia ditanyai "apa khabar" itu. Ini menjadikan bahwa frasa-frasa "apa khabar" dan "khabar baik" itu seolah-~~tidak~~ tidak ada erti apa-apa dalam sistem hidup mereka, selain daripada menjadikannya suatu routine: apabila bertemu seseorang harus bertanya "apa khabar", dan yang ditanya wajib pula menjawab dengan jawapan yang sudah diketahui dan sudah diulangi berjuta-juta kali, iaitu "khabar baik".

Kata "apa khabar" itu hadir dalam sistem kemasyarakatan Melayu kerana tiap anggota masyarakat itu berasa sama bertanggungjawab terhadap masyarakatnya dan berasa perlu tahu segala khabar baik atau khabar buruk dalam masyarakatnya; kalau khabar baik mereka bersyukur, kalau khabar buruk mereka akan sama-sama bertindak menghapuskan keburukan itu serta memulihkan ketenteraman masyarakat mereka.

Hal itu bolehlah kita samakan dengan yang berlaku dalam masyarakat Tionghoa: tiap kali orang-orang Tionghoa itu bertemu kenalannya, yang ditanyakan^{mereka} ialah "ada makan tak?" atau "sudah makan?". Sejarah Tionghoa menunjukkan dari zaman purbakala dulu negeri itu sentiasa dilanda peperangan; peperangan menyebabkan kekurangan makanan. Rasa tanggungjawab kesosialan masyarakat itu melahirkan frasa "ada makan tak" atau "sudah makan" tadi; mereka mengucapkan syukur kepada yang sudah makan dan mereka berikan bantuan kepada yang tak ada makanan. Dan, kebiasaan bertanyakan "sudah makan" itu pun kekal dalam masyarakat itu, walaupun sekarang mereka mewah dengan makanan!

Berbeza dengan masyarakat Jepun yang sentiasa maukan kemajuan dalam hidupnya. Untuk kemajuan itu, mereka pentingkan kesihatan. Sebab itu, pertanyaan yang dikemukakan kepada sahabat atau kenalan yang

ditemui/ ialah: O me ni kakarimasen desita ga o kawari gozaimasen ka? (selama tak bertemu ini tak adakah apa-apa perubahan anda?) dan jawab orang yang ditanya itu ialah: O kagesama de watasi wa tassyadesu! (berkat doa anda saya sihat sekali!)

Orang-orang Arab sebelum Islam sentiasa bermusuh dan berbunuh-bunuhan antara satu kabilah dengan yang lain. Jika seorang dari kabilah A, misalnya, telah dibunuh oleh anggota kabilah B, maka tidak ada jalan lain bagi anggota kabilah A tadi untuk menebus malu atau maruahnya, melainkan dengan membunuh pula seseorang dari kabilah B. Hal berbalas-balas bunuh itu menjadikan kehidupan mereka sentiasa dalam keadaan bimbang, curiga dan merasa tidak terjamin.

Keamanan hanya boleh didapatkan dengan adanya kabilah lain, kabilah C misalnya, yang bertindak sebagai pelindung orang-orang yang ditakuti menjadi mangsa. Perkataan yang menjamin keselamatan orang yang bersuaka kepada kabilah C ialah "assalamu alaikum" - Ertinya: keselamatan dan keamanan atas kamu!

Apabila orang-orang Arab menjadi Islam, ucapan "assalamu alaikum" diperkukuh dengan konsep berserah kepada Allah. Seseorang tamu disunatkan mengucapkan "assalamu alaikum" kepada yang didatanginya, membuktikan bahwa kedatangannya itu tidak berniat jahat. Tetamu itu tidak masuk ke rumah yang didatangi sebelum dia mendengar jawapan "wa alaikumussalam" yang menjamin bahwa tuan rumah juga berniat baik terhadap tamunya. Islam mengajarkan bahwa memberi salam itu sunat tetapi menjawab salam adalah wajib.

Setelah sah bahwa yang datang dan yang didatangi itu sama-sama berniat baik, barulah tamu itu melangkah masuk dan disambut oleh yang didatangi dengan ucapan: ahlan wa sahan!

Sesuai dengan ajaran adat Melayu yang mengatakan: berdiri sara' gugurlah adat itu, maka orang-orang Melayu yang menganut agama Islam pun mengutamakan ucapan "assalamu alaikum" dan "wa alaikumussalam" yang masing-masing hukumnya sunat dan wajib itu. Dan, ucapan "apa khabar" dan "khabar baik" yang hukumnya harus saja itu pun menjadi ucapan yang skundar. Itulah sebabnya maka tiap pertemuan antara dua orang Melayu dimulai dengan ucapan "assalamu alaikum". Setelah salam itu dijawab dengan ucapan "wa alaikumussalam", barulah orang pertama tadi bertanya pula "apa khabar" yang pasti akan dijawab orang kedua dengan ucapan "khabar baik".

Dalam masa kemasukan kebudayaan Barat ke daerah-daerah rantau
 sebelah sini, masyarakat Melayu tidak kebal dari kerasukan kebudaya-
 an itu. Kebudayaan Barat telah mengajar masyarakat Melayu berkenalan
 dengan nilai-nilai material dalam hidupnya. Terbukanya selera masya-
 rakat kita terhadap nilai-nilai material itu telah menjejaskan gagasan
 kita terhadap nilai-nilai budi bahasa; sekurang-kurangnya telah
 mengimbangnya.

Sekolah-sekolah kita telah mengajar anak-anak kita mengucapkan
 "selamat pagi", "selamat tengahari" dan "selamat petang" yang sekonsep
 dengan ucapan-ucapan "good-morning", "good-afternoon" dan "good-evening";
 menggantikan ucapan "assalamu alaikum" tadi. Ini menjadikan para lepas-
 an sekolah lebih senang mengucapkan selamat cara begini, kerana dengan
 demikian mereka terasa masuk dalam golongan orang intelek; dan ucapan
 "assalamu alaikum" itu direserve mereka untuk diucapkan kepada orang-
 orang tua, tuan-tuan haji dan ustaz-ustaz dalam konteks keagamaan saja.

Mujurlah: kegiatan-kegiatan dakwah yang agak pesat sekarang ini
 telah melibatkan ramai belia-belia kita. Pelibatan ramai belia dalam
 kegiatan agama itu, nampaknya, telah menyemarakkan semula semangat
 keislaman dalam masyarakat kita. Dan, sekarang ucapan "assalamu alai-
 kum" itu bukan saja berkumandang di majlis-majlis, malah dalam dialog
 menerusi talipon pun telah banyak saya dengar penutur mengucapkan
 "assalamu alaikum" itu, menggantikan kata "hallo" atau "alu" yang
 biasanya menjadi ucapan pembukaan dialog di talipon.

Akhirnya, hal-hal yang saya bincangkan tadi, rasa-rasanya bukan-
 lah soal-soal besar; tetapi saya percaya, ia adalah soal-soal basik;
 soal-soal asas. Kalau nilai-nilai hormat-menghormati dan nilai-nilai
 budi bahasa yang saya bincangkan tadi sentiasa terpelihara, sentiasa
 dikaji dan diperluas serta diselaraskan dengan nilai-nilai sikap dan
 budi pekerti, saya percaya bahwa nilai-nilai itu dapat menuntun anak-
 anak masyarakat kita menjadi manusia yang berkemanusiaan; manusia
 yang punya nilai manusia, iaitu manusia-manusia yang tidak mensesiakan
 seluruh atau sebahagian daripada hidupnya sendiri.

Dengan meletakkan nilai yang betul terhadap kehidupan manusia
 (makhluk yang terbaik dijadikan Allah) ini, saya yakin bahwa tidak
 akan ada lagi dalam masyarakat kita nanti: manusia-manusia yang putus
 harap atau manusia-manusia yang mengutuk dirinya sendiri kerana mereka
 tidak berjaya menikmati hak-hak hidupnya sebagai manusia.

Sekian, terimakasih. Wassalamu alaikum wa rahmatullah...